



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-80008000
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan : JPA.800-3/2/4 (47)

Tarikh : 27 Januari 2025

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk Wira/ Dato' Indera/ Datuk/ Dato'/

YBrs. Dr./ Tuan/ Puan,

BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2025

Saya ingin menarik perhatian YBhg. Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk Wira/ Dato' Indera/ Datuk/ Dato'/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana dimaklumi, YAB Perdana Menteri melalui pembentangan Belanjawan Tahun 2025 telah mengumumkan pemberian Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2025 sebanyak RM500 kepada penjawat awam Gred 15 dan ke bawah, dan pegawai/ kakitangan lantikan kontrak.

3. Selaras dengan keputusan tersebut, kaedah pelaksanaan pembayaran BKK adalah seperti berikut:

3.1 **LAYAK** diberikan kepada:

- (i) pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana, Gred 15 dan ke bawah atau setara, yang masih berkhidmat pada **25 Februari 2025** seperti berikut:
 - a) pegawai lantikan tetap, sementara dan lantikan kontrak (*Contract of Service* dan Pekerja Sambilan Harian)¹;
 - b) pegawai yang bercuti bergaji penuh;
 - c) pegawai yang bercuti separuh gaji;
 - d) pegawai yang bercuti tanpa gaji; dan
 - e) pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya, yang mana BKK ini akan dibayar oleh agensi yang meminjam pegawai berkenaan.
- (ii) personel MySTEP yang masih berkhidmat pada **25 Februari 2025**;
- (iii) guru interim;
- (iv) pemandu yang dilantik sendiri oleh pegawai Gred Utama B dan ke atas serta Gred Khas A dan ke atas yang layak pemandu tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatannya; dan

¹ Bagi pegawai di bawah *Contract for Service*, surat edaran berasingan akan dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.

- (v) pemandu yang dilantik sendiri oleh Anggota Pentadbiran, Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman.

3.2 Di samping itu, BKK ini dipanjangkan kepada pesara Kerajaan, veteran berpencen dan veteran tidak berpencen dengan bayaran sebanyak RM250 seperti berikut:

- (i) pesara Kerajaan yang menerima pencen termasuk pesara pilihan yang belum menerima pencen, penerima pencen terbitan di bawah undang-undang pencen, dan pesara skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang bersara daripada perkhidmatan awam apabila mencapai opsyen umur persaraan paksa (55/ 56/ 58/ 60 tahun), atau bersara Atas Sebab Kesihatan (ASK) pada atau sebelum **25 Februari 2025**. Pembayaran BKK akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA); dan
- (ii) veteran berpencen dan tidak berpencen yang mana akan dibayar oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV).

3.3 Bagi pesara Kerajaan dan veteran yang dilantik semula secara lantikan tetap, sementara dan COS yang masih berkhidmat pada **25 Februari 2025** layak dibayar sebanyak RM500. Pembayaran sebanyak RM250 akan dibuat oleh JPA atau JHEV, dan baki sebanyak RM250 akan dibayar oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat.

3.4 Seterusnya, pegawai yang meninggal dunia pada **25 Februari 2025** layak diberi BKK sebanyak RM500.

3.5 **TIDAK LAYAK** diberikan kepada:

- (i) pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi termasuk pegawai yang memangku, dipinjam/ tukar sementara dan secara penempatan khas ke Gred Utama/ Gred Khas;
- (ii) pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib buang kerja atau turun pangkat dalam tempoh **1 Januari 2025** hingga **25 Februari 2025**;
- (iii) pegawai yang tidak hadir bertugas secara berterusan tanpa cuti, atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran Ketua Jabatan, atau tanpa sebab yang munasabah sepanjang tempoh **1 Januari 2025** hingga **25 Februari 2025**;
- (iv) pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh **1 Januari 2025** hingga **25 Februari 2025**;
- (v) pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh **1 Januari 2025** hingga **25 Februari 2025**; dan
- (vi) pegawai berpencen yang melepaskan hak pencen kerana menyertai Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraan (BBDS).

3.6 Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau telah menerima surat pertuduhan dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib (PBTT) akan ditangguhkan pemberian BKK Tahun 2025 ini. Pegawai hanya layak dibayar BKK setelah dibebaskan daripada pertuduhan tatatertib, atau dikenakan hukuman selain buang kerja atau turun pangkat oleh PBTT yang berkenaan.

4. Untuk perhatian YBhg. Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk Wira/ Dato' Indera/ Datuk/ Dato'/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan, BKK Tahun 2025 ini akan dibayar pada **25 Februari 2025**, dan menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran tersebut. Pemberian BKK ini akan dikecualikan cukai pendapatan selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967.

5. Sehubungan itu, tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan dalam surat edaran ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'W. Ahmad Dahlan', written over a horizontal line.

(TAN SRI WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ)

s.k.:

YBHG. TAN SRI SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR

Ketua Setiausaha Negara
Pejabat Ketua Setiausaha Negara
Aras 4, Blok Timur
Jabatan Perdana Menteri
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

YBHG. DATUK JOHAN MAHMOOD MERICAN

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia
Aras 10 Blok Tengah
No.5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA

YBRS. PUAN NOR YATI BINTI AHMAD

Akauntan Negara
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 7, Kompleks Kementerian Kewangan No. 1, Persiaran Perdana,
Presint 2
62594 PUTRAJAYA